

TADBIR URUS DAN PERKEMBANGAN INSTITUSI PENJARA DI NEGERI-NEGERI SELAT, 1790-1826

ADMINISTRATION AND DEVELOPMENT OF PRISON INSTITUTIONS IN THE STRAITS SETTLEMENT, 1790-1826

Siti Alwalyah Mansor¹

Haslinda Hasan²

Nabisah Ibrahim³

¹Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia
(Emel: alwalyah @uum.edu.my)

²Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia
(Emel: haslynda@uum.edu.my)

³Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Kerja Sosial dan Polisi, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia
(Emel:nabisah@uum.edu.my)

Article history

Received date : 19-9-2023

Revised date : 25-9-2023

Accepted date : 29-10-2023

Published date : 14-11-2023

To cite this document:

Mansor, S. A., Hasan, H., & Ibrahim, N. (2023).

Tadbir urus dan perkembangan institusi penjara di

Negeri-Negeri Selat, 1790-1826. *Journal of Islamic,*

Social, Economics and Development (JISED), 8

(58), 40 – 50.

Abstrak: *Kajian ini melihat tadbir urus dan perkembangan Penjara di Negeri-Negeri Selat (NNS) pada penghujung abad ke-18 dalam era tradisional melayu dan era kolonial British antara tahun 1790 sehingga tahun 1826. Sebelum kehadiran pengaruh kolonial British di Negeri-Negeri-Negeri Selat, sistem penjara telah lama wujud dan dipraktikkan mengikut undang-undang tradisional khususnya sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pada penghujung abad ke-18, kehadiran kolonial British telah membawa bersama sistem perundangan Inggeris sekaligus memperkenalkan sistem penjara kolonial. Dalam kedua-dua era ini, matlamat institusi penjara adalah sama iaitu menjadi alat mengawal masyarakat, membanteras penentangan masyarakat terhadap pemerintah serta mengawal kadar jenayah ke arah mengendalikan pentadbiran secara lebih lancar dan berkesan. Namun dalam era kolonial, wujud satu kepentingan kerajaan British untuk menggunakan sumber buruh banduan bagi kerja-kerja pembangunan kerajaan sehingga membawa kepada perkembangan dan kelangsungan sistem penjara sehingga tahun 1826. Perbincangan ini dihalakan kepada melihat aspek tadbir urus penjara dalam dua era iaitu tradisional melayu kepada era kolonial British antara tahun 1790 sehingga tahun 1826. Kajian menggunakan kaedah analisis kualitatif berdasarkan penelitian disiplin sejarah dan analisis kandungan. Hasil kajian mendapati pada penghujung abad ke-18, kehadiran pengaruh kolonial British menyebabkan berlakunya penstrukturan semula tadbir urus penjara tradisional yang dikuatkuasakan melalui dasar Kolonialisasi dan diasimilasikan mengikut struktur penjara tempatan. Tindakan ini menjadi titik tolak peralihan corak tadbir urus penjara tradisional kepada acuan kolonial British dan menjadi permulaan kepada sejarah sistem penjara moden di Malaysia.*

Kata Kunci : *Tadbir urus, tradisional, kolonial, penjara, British*

Abstract: *This study looks at the governance and development of Prisons in the Straits Settlements (NNS) at the end of the 18th century in the Malay traditional era and the British colonial era between 1790 and 1826. Before the presence of British colonial influence in the Straits Settlements, the prison system had existed for a long time and had been practiced according to traditional laws, especially since the time of the Malacca Malay Sultanate. At the end of the 18th century, the British colonial presence brought with it the English legal system and introduced the colonial prison system. In both of these eras, the goal of the prison institution is the same, which is to be a tool to control the community, combat community opposition to the government as well and control the crime rate towards managing the administration more smoothly and effectively. However, in the colonial era, there was an interest of the British government to use prisoner labor resources for government development work leading to the development and survival of the prison system until 1826. This discussion is aimed at looking at aspects of prison governance in two eras, the traditional Malay era British colonialism between 1790 and 1826. The study uses qualitative analysis methods based on historical discipline research and content analysis. The results of the study found that at the end of the 18th century, the presence of British colonial influence caused the restructuring of traditional prison governance which was enforced through the policy of Colonialization and assimilated according to the local prison structure. This action became the starting point of the transition from the traditional prison governance pattern to the British colonial model and became the beginning of the history of the modern prison system in Malaysia.*

Keywords: *Governance, traditional, colonial, prison, British*

Pengenalan

Kajian ini membincangkan pengurusan Penjara di Negeri-Negeri Selat (NNS) pada penghujung abad ke-18 dalam era tradisional melayu dan era kolonial British. Perbincangan kajian ini memfokuskan pengurusan penjara era tradisional dan era kolonial British dalam konteks penubuhan dan perkembangan penjara yang berlaku. Fokus dihalakan kepada melihat perkembangannya sehingga tahun 1826. Perbincangan dimulakan dengan melihat pentadbiran penjara di era tradisional sebelum pengenalan sistem penjara British, diikuti kemasukan banduan selepas penubuhan penjara di Negeri-negeri Selat. Secara umumnya, Negeri-Negeri Selat mula dibentuk pada tahun 1826 apabila pihak British menggabungkan ketiga-tiga negeri untuk mengendalikan pentadbiran kolonial British secara seragam. NNS merangkumi negeri-negeri yang terletak di kedudukan strategik khususnya berada berdekatan selat-selat laut yang sistematik seperti Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Proses pembangunan penjara di Negeri-negeri Selat sejak mula ditubuhkan pada hujung abad ke-18 sehingga tahun 1826.

Tempoh ini amat signifikan kerana merupakan fasa permulaan salah satu institusi terpenting dalam pentadbiran British sejak mula kemasukan pengaruh kuasa penjajah ini. Kewujudan penjara untuk menempatkan sumber buruh menyebabkan institusi ini mendapat perhatian kerajaan British dalam matlamatnya menubuhkan sistem penjara moden. Usaha membangunkan penjara melibatkan pihak kerajaan, pihak penjara, dan pihak polis. Di samping itu, pembangunannya juga dilaksanakan oleh tenaga banduan sendiri. Keadaan ini menyebabkan penubuhan institusi penjara di setiap negeri di Negeri-negeri Selat berbeza dengan negeri lain dari konteks tempoh penubuhan dan arus perkembangannya.

Analisis Dan Perbincangan

Tadbir Urus Penjara Era Tradisional Melayu

Sebelum kedatangan kolonial British, sistem penjara telah wujud sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Pembentukan dan pelaksanaan sistem tadbir urus penjara telah lama dilaksanakan sepanjang zaman pemerintahan Sultan Iskandar Syah, Sultan Muhammad Syah dan Sultan Muzaffar Syah, Sultan Megat Iskandar Syah. Secara umumnya, pelaksanaan perundangan berkaitan sistem penjara kolonial berdasarkan Hukum Kanun Melayu yang telah digubal dan dipinda mengikut kesesuaian zaman tradisional melayu. Ini kerana Hukum Kanun Melaka dilihat berkembang dan dipinda daripada 9 fasal kepada 22 fasal dan terus berkembang sehingga menjadi 44 fasal dalam teks perundangannya (Alavudin & Yusoff, 2014).

Dalam pengurusan penjara era tradisional melayu, banduan-banduan dikurung dalam sangkar, bilik-bilik tahanan, dan gua sementara menanti pelaksanaan hukuman dijalankan. Pembinaan penjara era tradisional bertujuan memberi pengajaran kepada masyarakat dalam masa yang sama melindungi kesejahteraan negeri (Hashim, 2015). Tahanan yang didapati bersalah melakukan jenayah mendapat hukuman penjara. Banduan dipenjarakan di dalam sesebuah tahanan dalam satu tempoh yang panjang berdasarkan jenis kesalahan yang dilakukan.

Undang-undang tradisional meletakkan segala urusan kehakiman dan pengendalian jenayah dan penjara di bawah kekuasaan Sultan. Berdasarkan sistem ini, semua pesalah dibicarakan oleh Sultan, dan pihak Sultan mempunyai kuasa penuh untuk menjatuhkan apa sahaja hukuman terhadap pesalah (Gullick, 1953). Di samping itu, Sultan juga memiliki kuasa pengampunan. Pelaksanaan hukuman penjara menjadi pengajaran kepada masyarakat supaya tidak melakukan jenayah dan berbuat sebarang kesalahan, dalam masa yang sama bermatlamat untuk mengekang unsur-unsur penentangan masyarakat terhadap pemerintahan Sultan.

Dalam konteks keseluruhan Negeri-Negeri Selat yang meliputi negeri Pulau Pinang, Melaka dan Singapura, setiap negeri telah melaksanakan sistem perundangan tradisional yang sistematik dan teratur. Di Pulau Pinang, sebelum diduduki British ia merupakan kepunyaan Kerajaan Kedah dan segala urusan undang-undang dikuatkuasakan mengikut Hukum Adat Tempatan (Clifford, 1899) yang merupakan gabungan adat-adat tradisi orang Melayu (Trapand, 1962). Ia juga dipengaruhi sistem perundangan yang dijalankan di Melaka iaitu Hukum Kanun Melaka. Di Melaka pula, sistem perundangan terikat dengan peraturan Hukum Kanun Melaka sepenuhnya (Hashim, 2015). manakala Singapura sebagai kawasan yang berada di bawah Kesultanan Johor tunduk kepada sistem politik dan undang-undang tradisionalnya.

Dalam struktur pentadbiran era tradisional secara langsung meletakkan Sultan sebagai kuasa tertinggi. Hal ini membolehkan Sultan memperolehi kuasa penuh dalam keseluruhan sistem hukuman tradisional termasuk pentadbiran penjara. Sultan turut memiliki kuasa politik yang luas meliputi pentadbiran, pertahanan dan ekonomi. Sultan menerajui pentadbiran dengan dibantu pembesar-pembesar negeri dalam kalangan elit tradisional. Antara individu-individu yang bertanggungjawab seperti Bendahara, Temenggung, Penghulu Bendahari dan Syahbandar.

Bendahara menjadi individu berpengaruh seperti Perdana Menteri dalam kalangan pembesar, manakala Temenggung bertindak sebagai Ketua Penasihat Sultan dan menjaga hal ehwal keselamatan dalam negeri, dan diberi tanggungjawab membanteras kegiatan jenayah dalam negeri. Temenggung dibantu oleh pengawal-pengawal yang menjaga penjara, dan pengawal

memantau banduan dalam penjara (Gullick, 1970). Laksamana pula ditugaskan menjaga hal ehwal keselamatan pantai dan laut dan dalam era penjara tradisional, Laksamana sendiri mempunyai kuasa menghukum mahupun membunuh orang yang didapati bersalah. Syahbandar bertindak sebagai Pesuruhjaya Pelabuhan dan mengendalikan hal ehwal pelabuhan dan kastam, manakala Penghulu Bendahari bertanggungjawab menguruskan hal ehwal kewangan dan perbendaharaan negeri.

Dalam hal ini juga, kesemua pembesar meliputi Bendahara, Temenggung, dan Syahbandar juga diberi kuasa penuh untuk membunuh pesalah dengan kebenaran Sultan. Pembesar-pembesar melayu melaksana hukuman dan Sultan menghakimi kesalahan jenayah. Kuasa ini dilaksanakan melalui satu surat perintah dan boleh dilakukan tanpa perbicaraan mahkamah dan tidak melalui undang-undang rasmi. Melalui surat perintah ini, pesalah terus dihantar untuk diuruskan oleh Pertanda. Pertanda adalah seseorang yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal pengurusan penjara.

Pihak mahkamah tempatan pula berkuasa membicarakan semua jenis kesalahan jenayah berdasarkan hukum Syariah undang-undang Islam. Terdapat juga kebanyakan hukuman seperti potong tangan diganti dengan hukuman bayaran denda. Pesalah yang tidak mampu membayar denda akan dipenjarakan sehingga denda diselesaikan. Terdapat juga pesalah yang dikenakan penjara tanpa diberikan peluang membayar denda. Kebiasaannya, banduan yang ditahan dalam penjara tradisional mendapat siksaan tertentu, dan secara umumnya tiada penetapan tarikh pembebasan banduan untuk dibebaskan dari penjara (Clifford, 1938).

Dalam penjara zaman tradisional ini, individu yang mengalami sakit jiwa iaitu pesakit mental dan individu yang melakukan kesalahan bercanggah dengan akhlak akan ditempatkan dalam penjara. Penjara juga sudah semestinya menempatkan individu yang melakukan salah laku jenayah dan mengganggu ketenteraman masyarakat (Mamat, 1989).

Tadbir Urus Penjara Era Kolonial British

Pada tahun 1786, pendudukan Francis Light menyebabkan bermulanya sejarah perundangan Inggeris di Tanah Melayu (Straits Settlements Government Gazette, 1900). Pinang yang asalnya dinaungi Kesultanan Kedah, namun dengan muslihat Light yang membawa motif penjajahan Inggeris untuk campur tangan dalam perjanjian kerajaan Kedah dan Light mengakibatkan pulau itu tergadai. Seterusnya Pulau Pinang dibentuk menjadi wilayah baharu, dan sejak itu Pulau Pinang terpisah daripada ketuanan Melayu Kedah dan mula dicorakkan mengikut kolonial British.

Dalam konteks tadbir urus penjara, kehadiran British menyebabkan berlakunya penstrukturan semula tadbir urus penjara. Pihak British telah merubah fungsi tadbir urus institusi penjara dengan mengikut kesesuaian sistem Inggeris. Bagi pihak British, institusi penjara British ditubuhkan untuk menjadi satu alat kawalan sosial dalam pentadbirannya. Selain itu, insituti penjara juga dijadikan sebagai alat pertahanan yang dikuatkuasakan melalui dasar Kolonialisasi yang telah diasimilasikan mengikut struktur penjara tempatan. Pihak British menjadikan penjara sebagai sebuah jentera khas untuk mengawal masyarakat dan membasmi jenayah untuk memudahkan pengendalian British terhadap masyarakat yang dijajah. Ini secara langsung menyebabkan peralihan corak tadbir urus penjara tradisional kepada acuan kolonial British (Turnbull, 1970).

Pada abad ke-18 perkembangan ekonomi yang berlaku di bawah Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) selaku wakil syarikat British, membawa kepada penubuhan penempatan banduan. Petempatan ini bertujuan menempatkan banduan-banduan luar dari India yang diletakkan di wilayah-wilayah jajahan British. Ia antaranya di Bangkahulu pada tahun 1778 sehingga tahun 1825, Pulau Andaman tahun 1793 sehingga tahun 1796, di Pulau Pinang tahun 1790 sehingga tahun 1860, Melaka dan Singapura pula pada tahun 1825 sehingga tahun 1860. Pihak Kehakiman Negeri-Negeri Selat menghantar kumpulan-kumpulan banduan India secara import dan eksport di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka (Turnbull, 1970). Tindakan ini juga sebenarnya berupaya mengurangi kepadatan penjara di jajahan British di India khususnya penjara-penjara besar seperti Penjara di Calcutta, Bombay dan Madras. Dalam masa sama, pelaksanaan ini dapat mengeluarkan penjenayah tegar di India sekaligus dapat melancarkan pentadbiran jajahan British di India. Tindakan ini semestinya menjamin kelangsungan sumber buruh kolonial British di NNS kerana menjimatkan kos tadbir urus dengan bayaran kos yang minimum (Yang, 2003).

Sumbangan tenaga banduan ini dilihat signifikan untuk membina pelbagai kemudahan infrastuktur di wilayah baharu kolonial British (Turnbull, 1970). Penggunaan kaedah pengangkutan banduan yang juga sinonim disebut sebagai buang negeri mengikut dasar kolonialisasi British dipraktikkan dalam semua sistem perundangan British seluruh dunia. Oleh itu, kerajaan British menganggap tindakan ini sangat relevan dan menjadi salah satu tren global yang berlaku. Selain membolehkan kemasukan sumber buruh murah, pelaksanaan hukuman berat ini juga dapat mengeluarkan individu yang menentang dan dianggap berstatus bahaya dari kelompok masyarakat.

Pihak kerajaan British yang beribu pejabat di England meluluskan tindakan ini dijalankan menerusi akta buang negeri ini di bawah peruntukan *The Transportation Act of 1718*. (Beattie, 1986). Akta ini telah dimulakan British untuk membolehkan kegiatan memindah banduan-banduan di England ke koloni-koloni jajahan British yang lain. Menurut akta ini, banduan yang mendapat hukuman penjara 14 tahun atau lebih akan dipindahkan ke Amerika. Pada tahun 1718-1776, hampir 50,000 banduan dihantar keluar di koloni Amerika Utara. Banduan-banduan juga dihantar ke beberapa koloni British di Kepulauan Caribbean dan Australia (Stewart, 2010). Seterusnya pihak British meneruskan pelaksanaan akta ini sehingga ke Asia Selatan. Banduan dari Asia Selatan pula mula dipindahkan ke Asia Tenggara khususnya sejak penghujung abad ke-18 sehingga awal abad ke-19.

Dasar Kolonialisasi British di India berhasil apabila wilayah Bengal di India menjadi milik British pada tahun 1757. SHTI menguasai Bengal dan mentadbir wilayah baru itu yang mana sekali gus membolehkan pemindahan banduan dilaksanakan. Oleh itu, bermula abad ke-18 dan ke-19 kapal-kapal Eropah telah mengangkut banduan-banduan ke jajahan koloninya. Kerajaan British telah memindahkan banduan yang berada di India ke luar negara sejak tahun 1787.

Antara tarikh itu sehingga awal abad ke-20, lebih 80,000 banduan dihantar ke Kepulauan Andaman, Bangkahulu, Burma, Melaka, Mauritius, Pulau Pinang dan Singapura. Pulau Pinang merupakan negeri terawal yang dijadikan *Penal Settlement* sebagai Penempatan Banduan iaitu pada tahun 1790-1860, diikuti Melaka dan Singapura 1825-1860 (Yang, 2003). *Penal Settlement* merupakan peruntukan undang-undang yang menjadikan sesebuah tempat seperti kawasan kepulauan menjadi tempat buangan banduan dan boleh menempatkan banduan yang dibuang negeri, bercirikan kawasan yang terpencil dan jauh dari masyarakat. NNS dilihat berpotensi menjadi tempat hukuman berikutan kedudukan geografinya yang strategik sesuai

menjadi penempatan penjara dan mengelak usaha banduan melarikan diri. Dalam hal ini, keadaan ini sekaligus menjadi titik tolak permulaan perkembangan penjara selepas British menduduki NNS.

Penubuhan dan Perkembangan Penjara Negeri-Negeri Selat

Pada tahun 1790 penjara pertama ditubuhkan di Pulau Pinang di bawah kelolaan Francis Light. Sejak tahun 1788 lagi, kerajaan British di India menghantar banduannya ke Bangkahulu dan dijadikan penempatan banduan. Banduan ini merupakan pesalah kategori hukuman lebih 7 tahun. Pada tahun 1788, Lord Cornwallis selaku Gabenor Jeneral SHTI mencadangkan penghantaran banduan hukuman melebihi 7 tahun dan banduan seumur hidup dari India dipindahkan ke Pulau Pinang (Macnair, 1989). Dalam proses perkembangan kolonialisasi British di Pulau Pinang, Francis Light merasakan keperluan mendapatkan sumber buruh untuk kerja pembangunan amat penting. (Enh & Mansor, 2019).

Cadangan ini dipersetujui dan banduan India dibawa masuk sejak penghujung tahun 1780 untuk melakukan kerja awam (Rajendra, 1983). Bermula bulan Mac 1790, mereka ditempatkan di *Fort Cornwallis*. Pada tahun yang sama, Penjara Alipur mengalami kesesakan, diikuti Penjara Bombay dan Penjara Madras yang merupakan antara penjara-penjara besar di India. Justeru, banduan-banduan ini terus dibawa masuk dan dihantar ke Pulau Pinang (Yang, 2003).

Menurut British, penghantaran banduan India ke Pulau Pinang memberi manfaat kepada kerajaan pentadbir British di Pulau Pinang. Ia memberi kelebihan kepada tadbir urus penjara kerana mampu menyediakan tenaga buruh untuk pembangunan ekonomi. Dalam masa yang sama kerajaan British di India turut menerima manfaat kerana mengeluarkan penjenayah dari India. Tindakan ini juga penting kerana ia boleh mencetuskan rasa takut masyarakat terhadap kuasa penjajahan kolonial British yang baru dalam masa sama membolehkan British mengawal kadar jenayah (Sandhu, 1966).

Di Pulau Pinang sejak tahun 1787 lagi, telah berlaku pelbagai kejadian rusuhan antara penduduk tempatan, orang Siam dan orang Eropah. Kekacauan dan rusuhan ini menyebabkan Light menghantar permohonan kepada Lord Cornwallis untuk menubuhkan pasukan polis dan melaksanakan beberapa undang-undang yang berkaitan untuk memastikan pentadbiran kolonial berjalan lancar (Clodd, 1948). Namun, permohonan Light telah ditolak tanpa sebarang penjelasan. Meskipun demikian, penghantaran banduan ke wilayah koloni-koloni British terus berlangsung dengan rancak dan berterusan tanpa henti.

Pada penghujung tahun 1780 sehingga penghujung tahun 1795 populasi banduan India meningkat secara progresif di Pulau Pinang (Turnbull, 1972). Pada tahun yang sama Pulau Pinang secara rasminya dijadikan Stesyen Hukuman menggantikan *Fort Blair* di Andaman (Rajendra, 1983). Di sebalik kemasukan banduan yang rancak berlaku, populasi masyarakat di Pulau Pinang sudah meningkat menjadi 10,000 penduduk pada tahun 1792 (Macnair, 1989). Pada tahun 1796, penghantaran banduan dihentikan seketika berikutan penutupan Pulau Andaman. Kedaan ini menyebabkan kesemua penghantaran banduan ke Asia Tenggara terus difokuskan ke Pulau Pinang.

Tindakan membawa banduan India masuk ke NNS menjadi satu usaha yang komersial dan mendatangkan keuntungan. Disebabkan itu, Cornwallis memansuhkan kegiatan eksport golongan hamba sejak tahun 1790. Kewujudan banduan sebagai buruh kerajaan dapat mengelakkan kegiatan jual beli hamba di NNS. Selain menerima banduan India masuk ke NNS,

banduan-banduan yang dihukum di penjara NNS juga dibawa keluar dari NNS yang mana kebiasaannya mereka juga dihantar ke India (Yang, 1966). Ini kerana antara tahun 1787 hingga 1800, pihak SHTI menjalankan operasi buang negeri secara besar-besaran.

Sejak tahun 1800, pihak penjara kolonial mula memberikan pelbagai pekerjaan kepada banduan, sama ada dalam sektor kerajaan atau sektor swasta. Sebagai contoh pada tahun tersebut terdapat lebih 130 banduan India terlibat dengan kerja membina jalan dan membina bangunan kerajaan (City, 1966). Pada tahun 1805, jumlah banduan meningkat mendadak menjadi 772 orang (Jackson, 1961). Pihak British menggunakan banduan-banduan ini sebagai sumber buruh penting dengan kos dan bayaran yang rendah bagi melaksanakan sebarang kerja mahupun projek yang dilaksanakan (Proceedings Council of Straits Settlements, 1880).

Pada tahun 1800, sebuah badan perancangan dan penasihat, *The Committee Of Assessors* di Pulau Pinang diperkenalkan di bawah pentadbiran Leftenan-Gabenor George Leith. Leith mengaplikasikan konsep penggunaan banduan sebagai buruh bahkan meminta kerajaan di Calcutta untuk membekalkan lebih ramai banduan daripada India bagi memenuhi tugas-tugas membina dan menyelenggara jalan raya (Hussin, 2004). Hakikatnya, kehadiran banduan India kadangkala mencetuskan masalah kepada pihak penjara, namun kewujudan mereka berupaya membantu British melancarkan kerja buruh. Hal ini menjadikan pelaksanaan hukuman buang negeri tetap diteruskan.

Sehingga pada penghujung abad ke 18 dan awal abad ke 19, banduan India terus dibawa bukan sahaja ke Pulau Pinang, malah Singapura dan Melaka. SHTI pula berubah dari asalnya merupakan sebuah syarikat perdagangan menjadi sebuah organisasi politik ketenteraan menjadikan bangunan *Fort Cornwallis* sebagai sebuah kubu pertahanan. Kubu ini dijadikan benteng pertahanan British seterusnya dijadikan sebagai kota penempatan rakyat British (Ismail, & Ahrnad, 2003).

Berikutan peranannya sebagai sebuah organisasi ketenteraan, British membina beberapa jenis struktur bangunan kubu meliputi penempatan orang Eropah dan berek tentera. Di samping itu, gereja kecil, gudang senjata dan peluru, ruang meriam, sel-sel penjara, bilik tahanan, dan tiang bendera turut dibina dalam Kota Cornwallis (Khoo, 1993). Francis Light dilantik sebagai Superintendan Penjara dan diberi tanggungjawab menjaga banduan dengan dibantu pasukan Sepoy untuk mengawal banduan (Macnair, 1989). Light telah meminta SHTI di Bengal membuat undang-undang dan peraturan di Pulau Pinang memandangkan penduduk meningkat secara pesat. Light turut mencadangkan supaya Badan Kehakiman dipisahkan dari badan Eksekutif bagi melicinkan pentadbiran. Permintaan Light mendapat perhatian, lalu beberapa peraturan diluluskan dan dikuatkuasakan di Pulau Pinang bermula 1 Ogos 1794. Pada tahun 1810, Kota Cornwallis berupaya dibangunkan dengan binaan yang lebih kukuh meskipun ruangan yang tersedia sangat terhad.

Oleh kerana isu terhad ini membawa penubuhan penjara baharu pada tahun 1811 yang dikenali Penjara *Chowrasta Lines*. Penjara kedua yang dibina ini menggantikan penjara lama yang telah sesak dan penuh. Penubuhan penjara kedua di Pulau Pinang ini, ia digunakan untuk menempatkan pesalah yang membuat kekacauan dan huru hara, termasuk banduan tahanan politik (Enh & Mansor, 2019).

Sungguhpun begitu, jenayah menunjukkan kadar yang berterusan di Pulau Pinang. Kepadatan banduan berlaku sehingga menjadi sesak dan sempit. Dalam masa yang sama, kadar jenayah

terus menunjukkan peningkatan (Enh & Mansor, 2019). Akibatnya, Penjara Pulau Pinang menjadi sebuah gelanggang maut, ia memperlihatkan banyak kejadian membunuh diri, banduan dibunuh, banduan mengalami sakit mental bahkan mereka mendapat pelbagai serangan penyakit yang kompleks dan meninggal dunia.

Pada tahun 1823, banduan dari Penjara Pulau Pinang dihantar ke Penjara Melaka buat kali pertama. Dalam masa yang sama, tindakan SHTI yang telah menutup penjara di Bangkahulu pada tahun 1825 juga menyebabkan banduan dari Penjara Bangkahulu turut dihantar ke Penjara Pulau Pinang.

Sejak tahun 1824, masalah yang sama terus berulang, bangunan penjara penuh dan penjara menghadapi masalah ruang yang terlalu sempit akibat menampung terlalu ramai banduan. Keadaan ini menyebabkan wujud keperluan membuka penjara lain di jajahan NNS.


Pada tahun 1825, Penjara di Singapura pula dibuka. Penjara baru ini menempatkan semua banduan yang didapati bersalah dan mereka dikerahkan melakukan kerja memecah batu di luar penjara dan membina jambatan. Pada 18 April 1825, 80 banduan meliputi 79 lelaki dan seorang banduan wanita India dari Bangkahulu ditempatkan ke Singapura. Hanya beberapa hari selepas itu, jumlah kemasukan banduan terus bertambah. Pada 25 April 1825, 122 lagi banduan India dari Bangkahulu dihantar ke Singapura merangkumi 121 lelaki dan seorang wanita (Macnair, 1989). Pada tahun 1825 menjadi permulaan projek-projek besar kerajaan membina penjara di NNS. Peruntukan secara besar-besaran telah diturunkan kepada institusi penjara oleh kerajaan kolonial. Gambar 1 merupakan perkembangan binaan penjara di Negeri-Negeri Selat iaitu di Singapura yang berasal daripada pondok-pondok banduan.



Gambar 1: Pondok asal banduan di Penjara Singapura

Sumber : Boulger, D.Charles, *The Life Of Sir Stamford Raffles*, H. Marshall, 1897.

Gambar menunjukkan pondok-pondok asal penempatan banduan di Penjara Singapura. Sejak pendudukan British di Singapura tahun 1819 sehingga 1825, kumpulan banduan India ditempatkan di penjara sementara yang dibina di bangsal-bangsal dengan populasi 1200-2000 banduan India mendiami sepanjang terusan Bras Basah atau disebut sebagai Bras Basah Canal.



Gambar 2 : Pelan Bangunan Penjara Singapura

Sumber : Macnair, J. F. A, *Prisoners Their Own Warders; A Record Of The Convict Prison At Singapore In The Straits Settlements, established 1825, discontinued 1873, Together With A Cursory History Of The Convict Establishments at Bencoolen, Penang and Malacca from the year 1797*, Publisher : Westmister, A. Constable and Co, 1889.

Gambar menunjukkan salah satu pelan bangunan Penjara di Negeri-negeri Selat iaitu di Singapura. Superintendan Penjara iaitu Macnair telah merujuk kepada pelan binaan Kapten Man dan meneruskan usaha membina bangunan penjara yang lebih sistematik apabila pondok-pondok jerami digantikan dengan sel binaan batu bata. Dalam pelan ini juga, peruntukan tempat *Chief Warder*, *Engineer* merangkap *Superintendent of Convicts*, kuarters pengawal penjara dibina, selain wad-wad untuk banduan kelas keempat dan kelima, stor, sel hukuman, bilik rantai, bilik saringan, dan beberapa bilik kecil lain.

Aktiviti membina penjara terus berkembang secara berperingkat di keseluruhan negeri-negeri di NNS. Pihak Kehakiman NNS turut mengarahkan banduan di seluruh India dihantar ke NNS. Kerajaan British telah memberi kebenaran untuk memanfaatkan guna tenaga banduan bagi sebarang pekerjaan yang sesuai. Ia menjadi timbal balik untuk menampung semula kos pengurusan banduan yang telah pihak kerajaan keluarkan. Sejalan dengan kebenaran ini, ia secara tidak langsung menggalakkan kemasukan banduan dengan lebih rancak terutamanya ke Pulau Pinang dan Singapura.

Kesimpulan

Pada penghujung abad ke-18, kehadiran pengaruh kolonial British menyebabkan penstrukturan semula pengurusan penjara. Tadbir urus penjara tradisional melayu diubah di bawah kuatkuasa dasar Kolonialisasi mengikut acuan kolonial British dan menjadi permulaan kepada sejarah sistem penjara moden di Malaysia. Dalam tempoh penghujung abad ke-18 sehingga awal abad ke-19, institusi penjara mengalami perkembangan pesat di mana Pulau Pinang, Singapura dan Melaka dijadikan sebagai *Penal Settlement* iaitu Penempatan Hukuman. Ketiga-tiga negeri amat memerlukan sumber tenaga buruh membuatkan penubuhan penjara semakin bertapak kukuh di NNS. Perkembangan penjara moden era kolonial British terus berkembang sekali gus menghentikan operasi sistem penjara tradisional. Kemasukan banduan secara besar-besaran terus mengekalkan status NNS sebagai *Penal Settlement*.

Penstrukturan semula aspek penjara di bawah kendalian kerajaan British dilihat lebih ketara pada tahun 1800-1826. Pihak British telah meningkatkan fungsi tadbir urus institusi ini dengan mengikut kesesuaian sistem Inggeris sekali gus menjadi permulaan kawalan sosial melalui tadbir urus penjara. Pelaksanaan *Penal Transportation* tidak dinafikan mempunyai kepentingan ekonomi, namun tadbir urus yang sistematik dan teratur menjadi tuntutan dalam situasi kepadatan dan kesesakan penjara.

Penghargaan

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

Rujukan

- Beattie, J.M. (1986). *Crime and the Courts in England 1660–1800*, Oxford: University Press.
- Clifford. H. (1898). *Life in the Malay Peninsula : as it was and is*. Vol 30. London: Royal Colonial Institute.
- Clifford. H. (1938). *Expedition : Trengganu And Kelantan*, Kuala Lumpur : Federate Malay States Government Press.
- City Council of George Town, 1966.
- Clodd, H.P. (1948). *Malaya's first British Pioneer: The Life of Francis Light*, London: Luzac & Company.
- Enh, A.M & Mansor, S.A. (2019). Establishment of Penang Prison under British in Malaya, *e-Bangi : Journal of Social Sciences and Humanities*, 16 (6).
- Gullick, J.M. (1953). Captain Speedy of Larut, *Journal Malayan Branch Royal Asiatic Society*, 26 (2).
- Hisyam Mohd Hashim. (2015). Perkembangan Pentadbiran Jabatan Penjara Malaysia, 1957-2007, dalam Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, Noor Ain Mat Noor (editor), *Dasar dan tadbir dalam Sejarah*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Hussin. N. (2004). 'Urban Growth and Municipal Development in Colonial Port-Town Penang 1786-1830', *Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 4th International Malaysian Studies Conference*, 3-5 Ogos 2004.
- Ismail, M. R., Ahmad, A. G., & Awang, H. (2003). Structural defects and solutions: A case study of Fort Cornwallis, Penang, Malaysia. *WIT Transactions on The Built Environment*, 66.
- Jackson, R.N. (1961). *Immigrant Labour and the development of Malaya*, Kuala Lumpur: Government Press.
- Khoo, S. N. (2007). *Streets of George Town*, Penang. Areca Books.
- Macnair, J.F.A. (1889). *Prisoners Their Own Warders; A Record of the Convict Prison at Singapore in the Straits Settlements, Established 1825, Discontinued 1873, Together With A Cursory History of the Convict Establishments at Bencoolen, Penang and Malacca from the year 1797*, Publisher : Westmister, A. Constable and Co.
- Proceedings of the Legislative Council of Straits Settlements for the year 1880.
- Rajendra, N. (1983). Transmarine Convicts in the Straits Settlements, *Asian Profile*, 11 (5).
- Sandhu, J.K.S. (1966). Tamil and Other Indian Convicts in the Straits Settlements AD 1790-1873', Malaysia, Kuala Lumpur : Proceedings of the First International Conference Seminar of Tamil Studies Vol. 1, April 1966.
- Stewart, H.M. (2010). Convict Transportation From Britain and Ireland 1615-1870, *History Compass*, 8 (11).
- Straits Settlements *Government Gazette*, Januari 1900.
- Trapand. E. (1962). *Short Account Prince of Wales Island 1788*, Reprinted.

- Turnbull, C.M. (1970). Convicts in the Straits Settlements 1826-1867, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 43 (1).
- Yang, A.A. (2003). Indian Convict Workers in Southeast Asia in the Late Eighteenth and Early Nineteenth Centuries, *Journal of World History*, 14 (2).
- Zanariah Mamat. (1989). Sistem Hukuman dan Penjara Masyarakat Melayu Lama. Kajian Bagi Sejarah HSM 412 Dokumen-Dokumen Lama dalam Sejarah Malaysia, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Sarjana Muda Sastera Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia .